



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel :603-88832545
Faks :603-88895542
E-mail:ismailmerican@moh.gov.my

KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA INFLUENZA A(H1N1)
DAN TINDAKAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

16 Jun 2009

Kementerian Kesihatan hari ini ingin memaklumkan satu (1) lagi kes Influenza A(H1N1) telah dikesan di Malaysia dalam tempoh 18 jam yang lalu. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes Influenza A(H1N1) yang dikesan di Malaysia berjumlah 18 kes dan kesemuanya adalah kes import. Maklumat 1 kes baru yang dikesan adalah seperti berikut;

Kes ke18, adalah seorang lelaki warganegara Filipina dan bekerja sebagai seorang kelasi dengan kapal Malaysia yang berpangkalan di Pelabuhan Barat, Pelabuhan Klang. Beliau datang ke Malaysia dari Manila melalui penerbangan MH 705 dan sampai di KLIA pada 14 Jun 2009 jam 4.50 petang. Beliau telah dikesan dan disahkan demam semasa saringan di KLIA disamping mempunyai simptom batuk. Beliau telah dirujuk dan dimasukkan ke Hospital Kuala Lumpur dan disahkan mengidap jangkitan influenza A(H1N1) pada 15 Jun 2009 jam 4.08 petang dan rawatan antiviral telah pun dimulakan.

Kementerian Kesihatan Malaysia sedang mengesan kesemua kontak termasuk krew penerbangan dan penumpang MH 705 yang mendarat di KLIA pada 14 Jun 2009 jam 4.50 petang.

Buat masa ini, sejumlah 9 kes yang disahkan positif influenza A(H1N1) masih dalam rawatan di hospital iaitu Hospital Sungai Buloh (4), Hospital Kuala Lumpur (2), Hospital Pulau Pinang (1), Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan, Pahang (1) dan Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu, Sabah (1). Kesemua diberikan rawatan antivirus dan dalam keadaan stabil.

Dalam tempoh 24 jam yang lalu, sejumlah 55 notifikasi kes yang menunjukkan gejala jangkitan influenza diterima dari seluruh negara dan dimasukkan ke wad isolasi. Daripada 55 notifikasi tersebut, 2 kes disahkan positif influenza A(H1N1) iaitu kes ke17 dan ke18, 22 kes negatif influenza A(H1N1) manakala 31 masih menunggu keputusan. Sehingga kini, jumlah terkumpul kes yang disiasat kerana disyaki jangkitan influenza A(H1N1) adalah sebanyak 839 kes di mana, 18 kes disahkan positif influenza A(H1N1), 788 disahkan negatif dan 33 masih menunggu keputusan.

Jumlah keseluruhan kontak yang masih diletakkan di bawah *home quarantine* kini adalah seramai 52 orang, ini termasuk 21 kontak baru yang dikesan iaitu 2 kontak kes ke12, 12 kontak kes ke13, 6 kontak untuk kes ke14 dan 1 kontak untuk kes ke16. Seramai 69 kontak kes telah tamat kuarantin pada 15 Jun 2009 sehingga jam 9.00 malam. Pecahan keseluruhan kontak yang sedang dikuarantin ialah 28 kontak kes ke12, 15 kontak kes ke13, 7 kontak kes ke15 dan 1 kontak kes ke16. Pada masa ini kesemua kontak TIDAK menunjukkan gejala jangkitan influenza A(H1N1)

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) memaklumkan bahawa sehingga 16 Jun 2009, jam 8 pagi, jumlah terkumpul kes influenza A(H1N1) yang dilaporkan ke WHO adalah sebanyak 36,094 kes dengan 163 kematian daripada 76 negara, iaitu pertambahan sebanyak 5,969 kes. Manakala itu, terdapat pertambahan kematian sebanyak 18 dan 2 negara baru iaitu Morocco dan Tebing Barat Gaza yang melaporkan kes. Pertambahan sebanyak 5,969 kes adalah daripada 38 negara. Lima (5) negara yang mencatatkan pertambahan kes terbanyak adalah seperti berikut; Amerika Syarikat (4,638), United Kingdom (404), Australia (311), Filipina (82) dan German (75).

Bagi mengesan kontak kepada kes positif, Kementerian Kesihatan memohon kerjasama kepada penumpang, anak kapal dan kontak kepada kes untuk menghubungi KKM melalui talian 03-88810200 atau 03-88810300 untuk membolehkan kami memberikan nasihat kesihatan termasuk keperluan *home quarantine*.

Sekali lagi, Kementerian Kesihatan menasihatkan orang ramai untuk menangguhkan perjalanan ke negara-negara yang dilanda wabak kecuali jika betul-betul tidak dapat dielakkan. Perjalanan ke luar negara yang dilanda wabak boleh meningkatkan risiko mendapat jangkitan Influenza A(H1N1), samada semasa berada di negara berkenaan atau pun semasa berada di dalam pesawat. Ini bukan sahaja akan menyebabkan anda jatuh sakit dan terpaksa dirawat di negara lain, tetapi anda dan keluarga anda akan dikuarantin jika terbabit dengan kes yang disahkan positif. Justeru itu, orang ramai adalah digesa sekali lagi agar memberi kerjasama menangguhkan perjalanan ke negara-negara yang dilanda wabak Influenza A(H1N1) buat masa ini, kecuali bagi perjalanan yang perlu sahaja yang tidak boleh ditangguhkan.

Orang ramai juga turut dinasihatkan agar sentiasa mengikuti perkembangan situasi semasa penyakit ini dan mendapatkan maklumat yang terkini dan tepat dari Kementerian Kesihatan melalui laman web Kementerian Kesihatan iaitu <http://www.moh.gov.my> dan pengumuman KKM melalui media dari semasa ke semasa.

Sekian dan terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. HAJI MOHD. ISMAIL MERICAN

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

Tarikh: 16 Jun 2009